

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)
SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa terdapat barisan guru besar dan pengetua di Kelantan yang berkumpul berikrar menyokong Barisan Nasional (BN) pada 7 Januari 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah menganjurkan Majlis Kesyukuran Warga Pendidik Kelantan pada 7 Januari 2018, yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan mantan Pengarah JPN. Majlis melibatkan jemputan seramai 700 orang iaitu pengetua dan guru besar seluruh negeri Kelantan, pegawai dari JPN Kelantan dan pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah. Tujuan utama majlis diadakan adalah sebagai penghargaan dan ucapan terima kasih Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan kepada semua pengetua dan guru besar kerana telah memastikan hari pertama persekolahan tahun 2018 dapat berjalan dengan lancar. Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan yang baharu itu

103

juga telah menggariskan Hala Tuju Pengarah Pendidikan Tahun 2018 dalam majlis tersebut.

Atur cara majlis perhimpunan tersebut tidak mempunyai acara ikrar menyokong parti Barisan Nasional sebagaimana didakwa dan tiada apa-apa arahan dikeluarkan supaya pengetua dan guru besar melaungkan sokongan kepada Barisan Nasional.

RJM51